

Projek terbengkalai jadi sarang ular

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**
pengarang@utusan.com.my

■ **TEMERLOH 27 OGOS**

SEDERET 30 buah rumah terbengkalai sejak 20 tahun lalu yang ditumbuhi semak dan pokok hutan di Taman Bukit Bendera di sini bagaikan 'rumah berhantu' yang meresahkan penduduk.

Satu-satunya 'hutan' di kawasan perumahan berkenaan menjadi ancaman dan risiko kepada penduduk di situ kerana menjadi tempat tinggal pelbagai binatang termasuk binatang berbisa seperti ular tedung, biawak dan kala jengking.

Malah kejadian ular dan binatang berbisa memasuki rumah sering berlaku sehingga memaksa penduduk terpaksa memasang jaring serta sentiasa memastikan pintu belakang tertutup.

Seorang penduduk, Nurul Hanisah Saifuliza, 30, berkata, keadaan deretan rumah terbiar berkenaan memberikan ancaman seterusnya mengganggu aktiviti seharian penduduk.

"Kami di sini berasa hidup dalam keadaan terancam de-

ngan kehadiran binatang berbisa yang banyak. Apabila suasana sunyi dan penduduk berada di dalam rumah ada sahaja kelibat ular seperti tedung selar keluar di belakang rumah, saya pernah tercangkul seekor anak ular tedung sebesar ibu jari yang berkeliaran.

"Kami di sini berasa bimbang malah terdapat biawak gergasi sebesar budak tiga tahun juga yang sering muncul memakan sisa makanan di longkang dan ini menakutkan kami," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Dalam pada itu, seorang penduduk, Nakul Ali Ibrahim, 48, berkata, keadaan 'hutan belantara' di belakang rumah melibatkan kira-kira 150 penduduk itu amat berisiko khususnya kepada kanak-kanak yang bermain di situ.

Katanya, kejadian binatang berbisa seperti ular, kala jengking dan lipan memasuki rumah sudah kerap berlaku sehingga



NURUL HANISAH



FATIMAH



NAKUL ALI



DERETAN rumah terbengkalai sejak 20 tahun lalu yang dikelilingi semak samun mengundang ancaman haiwan liar dan menimbulkan keresahan kepada penduduk di Taman Bukit Bendera, Temerloh, Pahang. - **UTUSAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

meresahkan penduduk.

"Pelbagai usaha dilakukan penduduk untuk mengatasi masalah itu termasuk memasang jaring di pintu dan perangkap bagi menangkap haiwan seperti musang dan sebagainya.

"Kita juga telah membuat aduan kepada pihak Majlis Perbandaran Temerloh tetapi sehingga kini tidak ada tindakan konkrit yang dilakukan," ujarnya.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Fatimah Mohamad, 60, berkata, selain ancaman binatang berbisa mereka juga be-

rasa risau dengan keadaan longkang di belakang rumah yang rosak sehingga menyebabkan keadaan yang kotor.

Selain itu, katanya, rumah mereka juga berisiko ditimpa pokok-pokok yang mungkin tumbang apabila berlaku angin kencang atau ribut.